

Penangan dan cabaran 'tangan menghayun buaian'

• Memberi peluang lebih besar kepada wanita dalam pembangunan negara bukan sekadar satu keperluan, tetapi satu keutamaan bagi memastikan kemajuan yang lebih inklusif dan lestari

• Lebih banyak peluang, dasar menyokong kemajuan serta perubahan dalam minda masyarakat terhadap peranan wanita diperlukan dalam kepimpinan dan pembangunan negara



Othman Prof Madya Dr Raja Zairrahah Raja Mohd Rasi
bhrencana@bh.com.my

Pada 8 Mac lalu bersempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan kepentingan memberikan ruang dan peluang mencukupi kepada wanita dalam semua aspek pembangunan negara.

Ketua, Pusat Penyelidikan Perkhidmatan dan Operasi Pengurusan (CRSOM), Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

Beliau menegaskan peranan wanita adalah integral kerana mereka adalah paksi dalam kehidupan masyarakat dan memperkukuh pembangunan negara. Pencapaian luar biasa wanita dalam pelbagai bidang harus diraikan kerana wanita bukan sekadar menyumbangkan, kepada pembangunan negara, tetapi mencipta perubahan yang memberi impak mendalam kepada masyarakat.

Tidak boleh dinafikan wanita memainkan peranan penting dalam kepimpinan dan pembangunan negara. Penyeriaan wanita semakin meningkat dalam sektor politik, ekonomi dan sosial.

Dalam sektor politik, 14.9 peratus kerusi Parlimen diisi pemimpin wanita. Peraturan ini semakin meningkat berbanding dekad lalu, namun masih jauh daripada sasaran 30 peratus disorokan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Dalam sektor korporat pula, perwakilan wanita dalam jawatan pengurusan kanan menunjukkan trend penurunan. Menurut laporan 'Women in Business' oleh syarikat audit antarabangsa, Grant Thornton, peraturan wanita memegang jawatan pengurusan kanan menurun daripada 40.4 peratus pada 2023 kepada 39.6 peratus pada 2024.

Peraturan ini dijangka menurun lagi kepada 36.2 peratus pada 2025. Ini menunjukkan perlunya dasar lebih kukuh bagi memperkasa kepemimpinan wanita.

Inisiatif seperti Dasar Wanita Negara 2025-2030 serta program pemerkasaan kepimpinan

wanita membantu meningkatkan penyertaan mereka dalam membuat dasar dan perancangan ekonomi, memperkukuh peranan wanita sebagai pemacu utama pembangunan negara.

Memberi peluang lebih besar kepada wanita dalam pembangunan negara bukan sekadar satu keperluan, tetapi satu keutamaan bagi memastikan kemajuan yang lebih inklusif dan lestari.

Wanita bukan sahaja perlu diberi ruang dalam kepimpinan dan pembuatan dasar, tetapi juga diiktiraf sebagai pemacu utama dalam pelbagai sektor strategik.

Tokoh wanita seperti bekas Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Zeti Akhtar Aziz memainkan peranan penting dalam membentuk dasar kewangan negara, memastikan kestabilan ekonomi serta memperkukuh kedudukan Malaysia dalam sistem kewangan global.

Sementara itu, Prof Emerita Datuk Dr Mazlan Othman, saintis astrofizik wanita membawa nama Malaysia ke peringkat antarabangsa dalam bidang kajian angkasa lepas.

Lebih mengagumkan, beliau memberi sumbangan kepakaran dalam sebuah disiplin sangat eksklusif dan jarang diceburi, khususnya wanita.

“Perjalanan wanita dalam 'menulis' semula peraturan bukan sahaja menjadi pencetus perubahan di Malaysia, tetapi memberi inspirasi pada peringkat global”

Kepimpinan serta sumbangannya menggunakan program angkasa Malaysia, termasuk penubuhan Agensi Angkasa Negara (MYSASA) serta peranan beliau di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai Pengarah Pejabat Hal Ehwal Angkasa Lepas, menjadikannya ikon dalam dunia sains dan teknologi.

Inspirasi bagi generasi masa depan

Kejayaan tokoh ini bukan sahaja mencerminkan kepayaan wanita menerajui perubahan, tetapi menjadi inspirasi bagi generasi masa depan untuk terus membusi semangat kelincahan dan kepimpinan.

Walaupun pencapaian wanita semakin diiktiraf, mereka masih berdepan pelbagai cabaran seperti diskriminasi di tempat kerja, ketidakseimbangan gaji serta kurangnya penyertaan dalam sektor kepimpinan dan pembuatan dasar.

Laporan Jurang Janina Global 2024 oleh Forum Ekonomi Dunia (WEF) menunjukkan wanita secara purata masih menerima 20 peratus gaji lebih rendah berbanding lelaki untuk pekerjaan sama, manakala di Malaysia, penyertaan wanita dalam tenaga kerja formal masih di bawah 50 peratus walaupun mereka membentuk lebih 55 peratus graduan universiti.

Selain itu, wanita juga sering berdepan cabaran mencapai keseimbangan antara kerja dan tanggungjawab keluarga, dengan kajian menunjukkan wanita di Malaysia menghabiskan hampir tiga kali ganda lebih banyak masa berbanding lelaki kerja domestik dan penjagaan keluarga, seterusnya menjelaskan peluang mereka untuk maju dalam kerjaya.

Kekurangan dasar sokongan seperti cuti ibu bapa lebih fleksibel dan akses kepada penjagaan kanak-kanak berkualiti turut menjadi faktor menghalang wanita mencapai potensi penuh mereka.

Perjalanan wanita dalam 'menulis' semula peraturan bukan sahaja menjadi pencetus perubahan di Malaysia, tetapi memberi inspirasi pada peringkat global. Seperti ditegaskan Perdana Menteri, masa depan pembangunan negara tidak boleh dipisahkan daripada pemerkasaan wanita, kerana kemajuan sesebuah negara bergantung pada sejauh mana potensi wanita dioptimumkan.

Wanita bukan sahaja pemimpin dalam sektor ekonomi, politik dan sosial, tetapi pemangkin utama dalam pembentukan generasi akan datang. Mereka mendidik, membimbing dan membentuk nilai serta asas menentukan masa depan sesebuah masyarakat.

Lebih banyak peluang, dasar menyokong kemajuan serta perubahan dalam minda masyarakat terhadap peranan wanita diperlukan dalam kepimpinan dan pembangunan negara.

Negara akan terus menyaksikan kemunculan lebih ramai pemimpin wanita yang bukan sekadar menyesuaikan diri dengan persekitaran sedia ada, tetapi turut merangka dan menerajui perubahan dalam sistem itu sendiri.

Hari Wanita Antarabangsa 2025 menjadi peringatan bahawa perjuangan ini masih berterusan dan setiap wanita, tanpa mengira latar belakang, berhak menerima peluang sama untuk mengembangkan potensi mereka sepenuhnya.

